

19/02/2003

Pas samakan isu serang Iraq dengan SAR

KUALA TERENGGANU: Pas menyamakan tindakan Kerajaan Pusat menghentikan bantuan kepada sekolah agama rakyat (SAR) dengan tindakan Amerika Syarikat (AS) mahu menyerang Iraq kerana mendakwa kedua-duanya memberi kesan buruk kepada umat Islam.

Malah, Pemangku Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menjadi wakil melaksanakan agenda Amerika yang mahu menamatkan sumbangan besar sekolah agama.

Beliau mendakwa pihak yang menentang SAR dan pendidikan agama adalah mereka yang menentang kebaikan yang diwajibkan Allah.

"Isu ini bukan perkara kecil. Ini adalah agenda Amerika kerana negara berkenaan pernah membuat kenyataan bahawa SAR melahirkan pengganas," katanya pada Majlis Himpunan Munajat Perdana di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, di sini, malam kelmarin.

Abdul Hadi yang juga Menteri Besar turut memperjelaskan kunjungan ke Sulawesi Selatan menggunakan pasport diplomatik dan melaporkan pemergiannya kepada Wisma Putra.

Beliau mendakwa tidak mengetahui siapa yang hadir ke persidangan itu tetapi dimaklumkan bahawa pembesar termasuk Menteri Pertahanan Indonesia dijemput untuk menyertainya.